



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 22 (1) Jun.2018 (049-061)

### Proses Penengahan Vokal Rendah /a/ Dalam Lagu Melayu Asli

Khairul Faiz Alimi

[kfalimi@uum.edu.my](mailto:kfalimi@uum.edu.my)

Universiti Utara Malaysia

Tajul Aripin Kassin

[tajul@usm.my](mailto:tajul@usm.my)

Universiti Sains Malaysia

---

#### Abstrak

Lagu Melayu Asli merupakan lagu kesenian masyarakat Melayu yang menggunakan pantun sebagai lirik lagu. Berdasarkan melodi yang mendayu-dayu, kebanyakan lagu Melayu asli berkisar tentang emosi, kesedihan, ratapan, nasib, percintaan, dan juga berunsurkan nasihat. Namun, tema yang diwujudkan masih mengisi tujuan utama penghasilan lagu iaitu sebagai hiburan dan melambangkan kebudayaan masyarakat setempat. Artikel ini cuba untuk menelusuri proses fonologi yang terpancar dalam nyanyian lagu Melayu asli. Proses fonologi yang difokuskan adalah proses penengahan vokal rendah /a/. Sebanyak sepuluh (10) buah lagu Melayu asli daripada penyanyi yang berbeza telah dijadikan sebagai data. Data kajian di analisis dengan menggunakan Teori Fonologi Generatif (Chomsky & Halle, 1968). Setiap ujaran dalam nyanyian lagu Melayu Asli dibuat perbandingan dengan huraian penengahan vokal rendah /a/ bahasa Melayu standard (Farid M. Onn, 1980). Hasilnya, dalam bentuk kata dasar, nyanyian lagu Melayu asli mempunyai rumus yang selaras dengan rumus penengahan vokal /a/ bahasa Melayu standard. Sebaliknya, rumus penengahan vokal /a/ bahasa Melayu standard menghadapi masalah untuk meramal penengahan vokal lagu Melayu Asli yang berlaku dalam kata dasar + partikel /-lah/ dan enklitik /-ja/. Hal ini kerana rumus penengahan vokal bahasa Melayu standard dihalang di sempadan akhir. Justeru itu, analisis mencadangkan partikel dan enklitik mempunyai sempadan yang berbeza dengan sempadan akhiran yang membenarkan proses penengahan vokal berlaku dalam lingkungan sempadan partikel dan enklitik.

**Kata kunci:** Lagu Melayu asli, fonologi, proses fonologi, proses penengahan vokal

*The process of low vowel reduction /a/ in Malay Asli songs*

#### Abstract

*Malay Asli Songs refer to the art songs of the Malays which employ pantun as the lyrics. Largely plaintive, most of the songs echo emotions, melancholy, grief, fate, romance, and also counsel. Regardless of the array*

*of themes, they still point to the very nature of any song which aims to entertain and represents the local culture. This article seeks to examine the underlying phonological process in the performance of the Malay Asli songs. Specifically, the phonological process of low vowel reduction /a/ was selected to be analysed. A total of ten (10) Malay Asli songs performed by different singers were obtained as the data. The analysis was done based on the Theory of Generative Phonology (Chomsky & Halle, 1968). Each vocalised aspect of the songs was compared to the elucidation of the phonological process of low vowel reduction /a/ in standard Malay (Farid M. Onn, 1980). The results showed that in the underived forms, the performed Malay Asli songs' rules were parallel with the rules of low vowel reduction /a/ in standard Malay. On the contrary, the rules of vowel reduction /a/ in standard Malay had difficulties to predict the vowel reduction process in the underived form + particle /-lah/ and enclitic /-ja/. This is because the vowel reduction rules in standard Malay were obstructed in the suffix boundary. The analysis thus proposes that both the particle and enclitic have distinctive boundary from the suffix boundary, as to allow the process of low vowel reduction to occur within the boundary of the particle and enclitic respectively.*

**Keywords:** Malay Asli songs, phonology, phonological process, vowel reduction process

---

## 1. Pengenalan

Lagu ditakrifkan sebagai sebuah nyanyian muzik yang terdiri daripada dua bahagian yang berhubungan iaitu puisi dan melodi (Fornari, 2011) dan sering kali dikaitkan dengan sastera lisan, etnopuisi dan seni lisan (Woodbury, 2003). Lagu juga mempunyai pelbagai peranan antaranya adalah sebagai salah satu bentuk hiburan dan pengaliran budaya yang wujud di dalam setiap kebudayaan serta mengikut peredaran zaman (Wallin, Merker, & Brown, 2000). Bentuk budaya masyarakat dapat dikenali menerusi seni kata lagu yang menggambarkan rasa kegembiraan, kesedihan dan harapan (Ibrahim Ahmad, 2004), menyampaikan pendapat dan sikap (Pettijohn II & Sacco, 2009), serta sebagai cerminan sosial (Shepherd, 1991).

Penelitian lagu dan bahasa juga bukanlah sesuatu yang asing kerana kedua-duanya adalah sangat berkait rapat. Hal berkenaan pernah dinyatakan oleh Barwick (2012) bahawa lagu merupakan unsur kesenian yang mengandungi bahasa dan muzik kerana kedua-duanya merupakan sebahagian dari keupayaan kognitif komunikasi manusia. Justeru itu, artikel ini meneliti lagu Melayu asli (ditulis sebagai lagu MA selepas ini) dari sudut kaca mata linguistik secara amnya dan secara khusus dalam bidang kajian fonologi sebagai salah satu usaha untuk memperlihatkan penggunaan bahasa dalam aspek kesenian. Lagu MA dianalisis dalam bidang linguistik iaitu dengan melihat proses fonologi yang merubah vokal rendah /a/ dalam nyanyian untuk menyerlahkan identiti bahasa di dalam lagu.

## 2. Permasalahan Kajian

Kajian yang menyentuh aspek bahasa di dalam lagu MA boleh dikatakan masih berkurangan. Perbincangan terhadap identiti bahasa dalam lagu MA tidak dihuraikan secara terperinci. Tulisan Shafa'atussara Silahudin (2013) antaranya telah menyatakan bahawa lagu MA menggunakan dialek Johor atau bahasa Melayu standard (BMS) sebagai bahasa atau dialek pilihan dalam nyanyian. Namun, dakwaan yang dibuat tidak disertakan dengan bukti yang dapat mengesahkan penggunaan BMS sebagai medium bahasa di dalam lagu. Oleh yang demikian, apakah benar dialek Melayu Johor-Riau atau BMS digunakan dalam nyanyian lagu MA?

Untuk tujuan itu, artikel ini meneliti salah satu aspek proses fonologi iaitu proses Penengahan Vokal Rendah untuk memperlihatkan identiti bahasa di dalam lagu MA. Penelitian terhadap proses fonologi dapat menyerlahkan identiti sesebuah bahasa melalui perubahan sesebuah bunyi bahasa daripada bahasa induk (sebagai bentuk dalaman). Bagi situasi bahasa Melayu, bentuk bahasa Melayu Baku sering kali dijadikan sebagai bentuk dalaman bagi dialek-dialek di Malaysia. Oleh yang demikian, artikel ini mengambil pendirian yang sama dengan pengkaji terdahulu iaitu bentuk bahasa Melayu Baku adalah sebagai bentuk dalaman. Hal berkenaan seiring dengan Zaharani Ahmad (1993:5) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu Baku sebagai bentuk yang memenuhi kriteria yang disyaratkan dalam analisis fonologi generatif iaitu kebolehamalan, ekonomi dan kealamiahan.

### 3. Metodologi

Artikel ini menjalankan analisis teks iaitu teks lagu yang merupakan lirik sesebuah lagu. Lagu MA dalam analisis yang dijalankan ini adalah berbentuk rakaman audio secara digital dengan format fail MP3. Bentuk berkenaan dijadikan dalam bentuk teks melalui proses transkripsi data lagu menggunakan simbol fonetik antarabangsa *International Phonetics Alphabet* (IPA).

Sebanyak sepuluh buah lagu MA telah dipilih sebagai data kajian dan dibahagikan kepada dua bahagian mengikut jantina penyanyi iaitu lima buah lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi lelaki dan wanita. Setiap lagu MA dinyanyikan oleh penyanyi yang berbeza. Artikel ini tidak menyertakan nama setiap penyanyi. Hal ini adalah untuk menjaga ketanpanamaan terhadap data yang di analisis. Berikut diberikan judul lagu yang di analisis.

Jadual 1: Senarai 10 judul lagu Melayu asli mengikut jantina penyanyi

Penyanyi Wanita	Penyanyi Lelaki
1. Seri Serawak	6. Seri Kedah
2. Lela Manja	7. Embun Menitik
3. Gunung Pantii	8. Laksamana Mati Dibunuh
4. Makan Sireh	9. Seri Banang
5. Damak	10. Siti Payung

Selain itu, lagu MA dimainkan secara berulang kali untuk mengenal pasti setiap segmen yang dihasilkan oleh penyanyi. Dalam hal ini, kehadiran vokal rendah /a/ diteliti secara intuitif dengan melihat keberadaan vokal berkenaan di dalam lingkungan suku kata. Seterusnya, kajian menganalisis data dengan menggunakan Teori Fonologi Generatif (Chomsky & Halle, 1968). Selanjutnya, dapatan dalam nyanyian lagu MA dibuat perbandingan dengan rumus fonologi BMS (Farid M. Onn, 1980). Hal ini untuk mendapatkan gambaran bahawa adakah nyanyian lagu MA menepati dan akur dengan rumus BMS atau sebaliknya.

### 4. Latar Belakang Lagu Melayu Asli

Sejarah asal usul lagu MA didapati masih kurang jelas. Terdapat dakwaan antaranya lagu MA dikatakan berasal daripada gaya nyanyian dondang sayang yang begitu popular di zaman

kesultanan Melayu Melaka (Shafa'atussara Silahudin, 2010). Selain itu, Ismail Hamid (1988) juga menyatakan bahawa muzik Melayu asli mempunyai hubungan dengan nyanyian Dondang Sayang di Melaka dan Canggung di Perlis. Nyanyian Dondang Sayang, menurut Shafa'atussara Silahudin (2010), merupakan nyanyian untuk berkasih sayang yang banyak dipopularkan oleh masyarakat Baba dan Nyonya yang menetap di sekitar negeri-negeri selat semasa zaman pendudukan British di tanah Melayu.

Di samping itu, lagu MA menggunakan pantun sebagai lirik lagu. Penggunaan pantun sebagai lirik lagu merupakan satu unsur tradisi yang masih dikekalkan walaupun lagu MA telah mengalami perubahan dan penambahbaikan (Arif Ahmad, 2005; Ismail Ahmed & Ab Samad Kechot, 2015). Pemilihan pantun sebagai seni kata lagu adalah bergantung pada tema, makna dan kesesuaian sesebuah pantun dengan rentak lagu MA yang melankolik (Shafa'atussara Silahudin, 2013). Menurut Shafa'atussara Silahudin (2013) lagi, pantun yang bertemakan cinta dan kasih sayang, budi, harapan, duka cita, perpisahan, berduka hati, nasib dan kemiskinan adalah bersesuaian untuk dijadikan lirik lagu MA.

## 5. Vokal Rendah /a/ Dalam Bahasa Melayu Standard Dan Dialek-Dialek Melayu

Dalam BMS, vokal rendah /a/ dapat mengisi lingkungan suku kata awal terbuka, suku kata awal tertutup dan suku kata akhir tertutup (Farid M. Onn, 1980; Teoh Boon Seong, 1994). Kehadiran vokal rendah /a/ yang mengisi lingkungan suku kata awal terbuka, awal tertutup dan akhir tertutup diperincikan menerusi Contoh 1 berikut. Lingkungan suku kata ditandakan dengan huruf tebal.

1.

a. Suku kata awal terbuka

/aku/	[ <b>a</b> .ku]	aku
/palu/	[ <b>pa</b> .lu]	palu
/baʃa/	[ <b>ba</b> .ʃə]	baca
/baNun/	[ <b>ba</b> .ŋo)n]	bangun

(Farid M. Onn, 1980; Teoh Boon Seong, 1994)

b. Suku kata awal tertutup

/banʃi/	[ <b>ban</b> .ʃi]	banci
/baNga/	[ <b>baN</b> .gə]	bangga
/bandzir/	[ <b>ban</b> .dʒe]	banjir
/ambil/	[ <b>am</b> .bel]	ambil
/bantu/	[ <b>ban</b> .tu]	bantu

(Farid M. Onn, 1980; Teoh Boon Seong, 1994)

c. Suku kata akhir tertutup

/makan/	[ma). <b>kan</b> ]	makan
/mewah/	[me). <b>wa)h</b> ]	mewah
/majang/	[ma). <b>ja)ŋ</b> ]	mayang
/bulat/	[bu. <b>lat</b> ]	bulat

(Farid M. Onn, 1980; Teoh Boon Seong, 1994)

Dalam lingkungan suku kata akhir terbuka, vokal rendah /a/ BMS berubah menjadi vokal schwa [ə] (Farid M. Onn, 1980; Teoh Boon Seong, 1994). Bukti perubahan vokal rendah /a/ menjadi vokal schwa [ə] diperincikan dalam contoh berikut.

2. Suku kata akhir terbuka

/bangga/	[baŋ. <b>gə</b> ]	bangga
/batja/	[ba. <b>tʃə</b> ]	baca
/lupa/	[lu. <b>pə</b> ]	lupa
/suka/	[su. <b>kə</b> ]	suka

(Farid M. Onn, 1980; Teoh Boon Seong, 1994)

Berdasarkan contoh 2 di atas, vokal rendah /a/ berubah menjadi vokal schwa [ə] apabila mengisi lingkungan suku kata akhir terbuka. Misalnya dalam perkataan /baŋ.ga/ [baŋ.**gə**] dan /ba.tja/ [ba.**tʃə**]. Proses perubahan ini dikenali sebagai proses Penengahan Vokal Rendah (PVR) iaitu proses yang mentransformasikan vokal rendah /a/ menjadi vokal tengah atau schwa [ə]. Dalam kata terbitan pula, Farid M. Onn (1980) menyatakan bahawa vokal rendah /a/ muncul dalam bentuk asal apabila menerima imbuhan akhiran. Misalnya seperti berikut:

3.

a. [butə]	[mə)mbutaʔi]	[pəmbutaʔan]
b. [sukə]	[disukaʔi]	[kəsukaʔan]
c. [lupə]	[dilupaʔi]	[kəlupaʔan]
d. [batʃə]	[mə)mbatʃaʔi]	[pəmbatʃaʔan]

(Farid M. Onn, 1980)

Contoh 3 memerikan bahawa proses PVR tidak berlaku apabila menerima imbuhan akhiran. Hal ini menunjukkan bahawa proses PVR hanya beroperasi di suku kata akhir terbuka dan sempadan akhiran merupakan elemen yang mengekang pelaksanaan rumus PVR. Dari perspektif yang lain, kehadiran vokal schwa [ə] di lingkungan suku kata akhir terbuka dapat disahkan sebagai hasil daripada proses PVR. Maksudnya di sini, berdasarkan penerangan Farid M. Onn (1980), proses

PVR merupakan proses yang wujud dalam BMS kerana hanya berlaku di akhir kata dan penambahan akhiran akan menjelmakan semula (*recoverability*) bentuk dasar vokal rendah /a/. Misalnya, vokal rendah /a/ kekal dalam bentuk asal apabila menerima akhiran /-i/ dan /-an/ seperti /məŋ+buta-i/ [məŋmbutaʔi] dan /pəŋ+buta-an/ [pəmbuta/an]. Justeru itu, rumus bagi meramal proses PVR BMS adalah seperti berikut.

4. Rumus Penengahan Vokal Rendah

$$a \rightarrow \text{ə} / \_\_\_ \#$$

(Farid M. Onn, 1980:72)

Rumus 4 bermaksud vokal rendah /a/ berubah menjadi vokal schwa [ə] apabila berada di lingkungan akhir kata.

Selain itu, vokal rendah /a/ yang hadir di suku kata akhir terbuka dalam dialek-dialek Melayu memperlihatkan perilaku yang pelbagai. Misalnya dalam dialek Melayu Minang, dialek Melayu Perak, dialek Melayu Sarawak dan dialek Melayu Kedah seperti berikut.

5.

a. Dialek Melayu Minang

i. /apa/	[apə]	apa
ii. /muda/	[mu)də]	muda
iii. /dia/	[diɟə]	dia
iv. /m↔mbawa/	[m↔)mbawə]	membawa

(Asmah Haji Omar, 1993)

b. Dialek Melayu Perak

i. /apa/	[apE]	apa
ii. /lupa/	[lupE]	lupa
iii. /k↔na/	[k↔nE)]	kena
iv. /guna/	[gunE)]	guna

(Asmah Haji Omar, 1993; Zaharani Ahmad, 1993)

c. Dialek Melayu Kedah

i. /apa/	[apa]	apa
ii. /ada/	[ada]	ada

(Asmah Haji Omar, 1993)

d. Dialek Melayu Sarawak

i. /mata/	[ma)ta]	mata
ii. /cuba/	[cuba]	cuba

(Asmah Haji Omar, 1993; Collins, 1987)

Berdasarkan contoh dialek Melayu Minang dan dialek Melayu Perak, sifat vokal rendah /a/ mempunyai persamaan dengan vokal rendah /a/ dalam BMS iaitu tidak wujud di lingkungan suku kata akhir terbuka. Asmah Haji Omar (1993) menjelaskan bahawa vokal /a/ dalam dialek Melayu

Minang diujarkan sebagai vokal belakang [ɔ] di posisi suku kata akhir terbuka. Manakala, vokal tengah [ɛ] dipilih oleh penutur dialek Melayu Perak bagi menggantikan vokal rendah /a/ di suku kata akhir terbuka (Asmah Haji Omar, 1993; Zaharani Ahmad, 1993). Berbeza pula dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Sarawak yang memilih untuk mengekalkan vokal rendah [a] di lingkungan suku kata akhir terbuka (Asmah Haji Omar, 1993; Collins, 1987).

Pemaparan proses PVR BMS dan perbandingan dengan sifat vokal rendah /a/ di suku kata akhir terbuka dalam dialek Melayu yang lain telah memperlihatkan perbezaan bagi setiap dialek yang dibincangkan. Dialek Kedah dan Sarawak memilih bentuk [a] di suku kata akhir terbuka. Dialek Melayu Minang, dialek Melayu Perak dan BMS memilih untuk menukar vokal /a/. Dialek Melayu Minang mengubah vokal /a/ menjadi vokal belakang [ɔ] manakala dialek Melayu Perak mengubah vokal /a/ menjadi vokal [ɛ]. BMS pula melaksanakan proses penengahan vokal menjadi vokal schwa [ə]. Proses perubahan vokal rendah /a/ BMS, dialek Melayu Minang dan dialek Melayu Perak berlaku dalam lingkungan yang sama iaitu lingkungan suku kata akhir terbuka.

Tambahan lagi, perbandingan yang diberikan telah memerikan kekhususan proses PVR dalam BMS yang boleh dianggap sebagai proses atau rumus yang dominan dalam BMS. Malah, terdapat pengkaji yang menggunakan konsep vokal rendah [a] dan vokal schwa atau pepet [ə] untuk membezakan dialek yang ada di Malaysia. Misalnya, Asmah Haji Omar (1993) menggunakan konsep kelainan vokal rendah [a] dan kelainan vokal pepet [ə] (atau schwa) bagi membezakan antara dialek utara yang mengekalkan vokal [a] dan dialek selatan (BMS) yang mengucapkan vokal /a/ sebagai vokal schwa [ə] di akhir kata.

## 6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jumlah keseluruhan perkataan dalam data lagu MA yang dianalisis adalah sebanyak 856 perkataan. Jumlah besar berkenaan disumbangkan menerusi lagu dalam kategori penyanyi lelaki iaitu sebanyak 453 perkataan, manakala kategori penyanyi wanita sebanyak 403 perkataan.

### 6.1 Kehadiran vokal rendah /a/ dalam kata dasar lagu Melayu Asli

Kehadiran vokal rendah /a/ dalam kata dasar lagu MA adalah seperti berikut. Lingkungan kehadiran vokal rendah ditandakan dengan huruf tebal.

6. Kehadiran vokal rendah /a/ dalam kata dasar
  - a. Suku kata awal terbuka (V dan KV)

Jadual 2: Taburan vokal rendah /a/ di suku kata awal terbuka

Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Bentuk Tulisan	Sumber lagu
/baik/	[ <b>ba</b> .eʔ]	baik	Gunung Panti
/paja/	[ <b>pa</b> .jə]	paya	Damak
/air/	[ <b>a</b> .er]	air	Embun Menitik
/hati/	[ <b>ha</b> .ti]	hati	Seri Sarawak

/dʒati/	[dʒa.ti]	jati	Gunung Panti
---------	----------	------	--------------

## b. Suku kata awal tertutup (VK atau KVK)

Jadual 3: Taburan vokal rendah /a/ di suku kata awal tertutup

Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Bentuk Tulisan	Sumber lagu
/tak/	[taʔ]	tak	Seri Sarawak
/mak/	[maʔ]	mak	Lela Manja
/nanʒka/	[naŋ.kə]	nangka	Makan Sirih
/maŋdʒa/	[maŋ.dʒə]	manja	Lela Manja

## a. Suku kata akhir terbuka (KV)

Jadual 4: Taburan vokal rendah /a/ di suku kata akhir terbuka

Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Bentuk Tulisan	Sumber lagu
/bərapa/	[bə.ra.pə]	berapa	Seri Kedah
/mata/	[ma.tə]	mata	Embun Menitik
/siapa/	[si.ja.pə]	siapa	Siti Payung
/dosa/	[do.sə]	dosa	Embun Menitik
/kota/	[ko.tə]	kota	Gunung Panti
/buŋa/	[bu.ŋə]	bunga	Makan Sirih
/kita/	[ki.tə]	kita	lela manja

## b. Suku kata akhir tertutup (KVK)

Jadual 5: Taburan vokal rendah /a/ di suku kata akhir tertutup

Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Bentuk Tulisan	Sumber lagu
/ladaŋ/	[la.daŋ]	ladang	Seri Kedah
/idaman/	[i.da.maŋ]	idaman	Embun Menitik
/bənaŋ/	[bə.naŋ]	benang	Seri Banang
/həndak/	[hən.daʔ]	hendak	Siti Payung
/tombak/	[tom.baʔ]	tombak	Laksamana Mati Dibunuh

Berdasarkan pola taburan vokal, kehadiran vokal rendah /a/ dalam lagu MA telah menunjukkan sifat vokal yang peka dengan jenis suku kata. Vokal rendah /a/ boleh mengisi suku kata awal (terbuka dan tertutup) dan suku kata akhir tertutup. Misalnya, taburan vokal rendah /a/ di suku kata



awal terbuka terdapat dalam perkataan /baik/ [ba.eʔ] dan /paja/ [pa.jə] yang dinyanyikan dalam lagu Gunung Panti dan lagu Damak. Di suku kata awal tertutup, misalnya, diisi perkataan /nanjka/ [naŋ.kə] dan /majdʒa/ [ma]ŋ.dʒə] yang masing-masing diperoleh dari lirik lagu Makan Sirih dan Lela Manja. Manakala, perkataan dari lirik lagu Seri Kedah dan Embun Menitik seperti /ladan/ [la.dan] dan /idaman/ [i.da.ma]n] memperlihatkan taburan vokal rendah di suku kata akhir tertutup.

Bagi lingkungan suku kata akhir terbuka, analisis ini menganggap bahawa vokal schwa yang mengisi suku kata akhir terbuka merupakan hasil proses fonologi yang mengubah vokal [a] menjadi vokal schwa [ə]. Hal berkenaan dapat dilihat dalam Contoh b.a menerusi perkataan /bərapa/ [bə.ra.pə], /mata/ [ma].tə] dan /siapa/ [si.ja.pə] yang memerikan vokal rendah /a/ berubah menjadi vokal schwa [ə] di lingkungan suku kata akhir terbuka. Contoh perkataan berkenaan terdapat dalam lirik lagu Seri Kedah, Embun Menitik dan Siti Payung. Malah, pemerhatian lanjut juga mendapati bahawa perubahan vokal rendah /a/ berlaku secara menyeluruh dalam kata dasar lagu MA yakni dalam lagu MA yang dinyanyikan oleh penyanyi lelaki dan wanita. Justeru itu, rumus PVR yang diberikan oleh Farid M. Onn (1980) berupaya untuk meramal proses perubahan vokal rendah /a/ dalam lagu MA terutama dalam bentuk kata dasar seperti berikut.

### c. Rumus PVR

$$a \rightarrow \text{ə} / \_\_\_ \#$$

(Farid M. Onn, 1980)

Rumus c menjelaskan bahawa vokal rendah /a/ menjadi vokal schwa [ə] apabila berada di akhir kata. Perbincangan selanjutnya menyentuh vokal rendah /a/ di suku kata akhir kata dasar dan menerima penambahan partikel dan enklitik.

## 6.2 Proses penengahan vokal rendah /a/ dalam kata terbitan lagu Melayu Asli

Kata terbitan yang diberikan dalam Jadual 6 hanya melibatkan kata dasar bergabung dengan partikel /-lah/ dan enklitik /-ja/. Penambahan partikel /-lah/ pada kata dasar yang bersuku kata terbuka tidak menjejaskan pelaksanaan proses PVR. Contohnya dalam perkataan /kənapa+lah/ [kənapəlah], /nama+lah/ [naməlah] dan /buŋa+lah/ [buŋəlah], penyanyi membunyikan vokal rendah /a/ di suku kata akhir terbuka kata dasar sebagai vokal schwa [ə] walaupun perkataan berkenaan menerima penambahan partikel /-lah/. Proses PVR turut berlaku terhadap vokal rendah /a/ di suku kata akhir terbuka kata dasar walaupun menerima enklitik /-ja/. Contohnya dipaparkan dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Penengahan vokal /a/ menjadi vokal [ə] dalam kata terbitan

Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Bentuk Tulisan	Sumber Lagu
/k.:.napa-lah/	[k.:.nap.:.lah]	kenapalah	Lela Manja
/nama-lah/	[na)mə]lah]	namalah	Gunung Panti

/buja-lah/	[buja]lah]	bungalah	Makan Sirih
/rasa-ja/	[rasa]ja]	rasanya	Seri Sarawak
/bahasa-ja/	[bahasa]ja]	bahasanya	Siti Payung

Bentuk permukaan kata terbitan yang menerima partikel /-lah/ dan enklitik /-ja/ dalam nyanyian lagu MA menunjukkan bentuk yang bertentangan dengan rumus PVR BMS. Menurut Farid (1980), vokal rendah /a/ BMS tidak mengalami proses PVR sekiranya kata dasar menerima imbuhan akhiran (kata terbitan). Hal berkenaan disebabkan oleh sempadan akhiran yang menjadi penghalang pelaksanaan rumus PVR dalam BMS. Sebagai contoh, rumus PVR BMS hanya menghasilkan bentuk /buja-lah/ [buja]lah] dan /bahasa-ja/ [bahasa]ja] dan bukannya /buja-lah/ [buja]lah] dan /bahasa-ja/ [bahasa]ja] seperti yang terhasil dalam nyanyian lagu MA.

Dengan itu, timbul persoalan adakah partikel dan enklitik berstatus akhiran atau mempunyai status yang lain? Jika partikel dan enklitik ditangani sebagai akhiran, sudah tentu realisasi fonetik yang terhasil adalah sesuatu yang berbeza. Oleh yang demikian, maklumat morfologi diambil kira untuk menjelaskan status partikel, enklitik dan akhiran.

Maklumat morfologi menjelaskan bahawa partikel, enklitik dan imbuhan akhiran merupakan morfem terikat yang berbeza. Dalam buku-buku nahu, partikel, enklitik dan imbuhan akhiran tidak diletakkan sebagai satu kelas morfem terikat (akhir) walaupun mengisi posisi yang sama iaitu ditambah pada bahagian akhir kata. Imbuhan akhiran BMS diisi oleh bentuk /-i, -kan, dan -an/ dan imbuhan akhiran pinjaman, sebahagiannya seperti /-wan, -man, -wati, -nita, -is dan -iah/ (Asmah Haji Omar, 2015; Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood, 2015; Tajul Aripin Kassim, 2000).

Partikel /-lah/ pula merupakan sejenis penegas yang memberikan penekanan terhadap predikat (Nik Safiah Karim et al., 2015) atau judul ayat seperti subjek, objek atau adverba (Asmah Haji Omar, 2015). Partikel /-lah/ dikelompokkan dengan partikel penegas yang lain iaitu partikel /-tah/ dan /-kah/. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kehadiran /-kah/, /-tah/ dan /-lah/ sebagai kata penegas frasa predikat hanya berlaku apabila predikat atau bahagian yang ditegaskan mengalami proses pendepanan. Nik Safiah Karim et al. (2015) turut menjelaskan partikel penegas /-kah/, /-tah/ dan /-lah/ sebagai bentuk pascafrasa.

Sementara itu, enklitik /-ja/ merupakan kependekan dari bentuk utuh iaitu kata ganti nama diri ketiga /dia/ (Asmah Haji Omar, 2015; Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2013; Nik Safiah Karim et al., 2015). Enklitik /-ja/ bersandar pada hos dan fungsi yang dimainkan adalah sebagai objek, pemilik atau penegas (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2013) dan sebagai adverba penyertaan serta adverba agentif (Asmah Haji Omar, 2015). Menurut Nik Safiah et al. (2015), enklitik /-ja/ mampu menjadi penekan (memberi penegasan kepada perkataan yang bergabung dengannya) dan pembeda (mengubah perkataan bukan kata nama menjadi kata nama). Enklitik /-ja/ juga dikelaskan sebagai kata pascakata iaitu bentuk yang hadir selepas perkataan (Nik Safiah Karim et al., 2015).

Justeru itu, berdasarkan maklumat morfologi, partikel /lah/ dan enklitik /-ja/ mempunyai fungsi yang lebih luas berbanding imbuhan akhiran. Seiring dengan perbezaan fungsi yang didukung, artikel ini berpendapat bahawa partikel /-lah/ dan enklitik /-ja/ mempunyai sempadan yang berlainan dengan imbuhan akhiran. Oleh yang demikian, bagi menjelaskan proses PVR lagu MA dalam kata terbitan, pengkaji berpandangan bahawa proses PVR mampu terlaksana di lingkungan akhir kata, sempadan partikel dan di sempadan enklitik.

Dalam bahasa Melayu, beberapa sempadan telah diperkenalkan oleh Zaharani Ahmad (1993) iaitu sempadan kata (#), sempadan awalan (+), sempadan awalan (=) dan sempadan akhiran (-). Sebagai membezakan simbol sempadan yang sedia ada, artikel ini mencadangkan simbol tambahan untuk mewakili sempadan partikel (~) dan sempadan enklitik (÷) bagi membolehkan pelaksanaan proses PVR di lingkungan sempadan tersebut. Hal berkenaan seiring dengan data lagu MA yang memperlihatkan proses PVR yang terlaksana di lingkungan sempadan kata, sempadan partikel dan di sempadan enklitik. Oleh itu, rumus PVR BMS perlu dipinda kerana hanya beroperasi di sempadan kata. Pindaan rumus adalah seperti berikut.

#### d. Rumus PVR Pindaan

$$a \rightarrow \leftrightarrow / \begin{array}{|c} \# \\ \sim \\ \div \end{array}$$

Syarat: # sebagai sempadan kata  
 ~ sebagai sempadan partikel  
 ÷ sebagai sempadan enklitik

Rumus d menjelaskan bahawa vokal rendah /a/ menjadi vokal schwa [ə] apabila berada di akhir kata, di sempadan partikel dan di sempadan enklitik. Oleh yang demikian, Rumus d dapat meramal proses PVR di sempadan kata, sempadan partikel dan sempadan enklitik seperti yang terdapat dalam lagu MA. Justeru itu, vokal rendah /a/ yang berada di suku kata akhir terbuka kata dasar berpotensi untuk berubah menjadi vokal schwa [ə] walaupun menerima partikel dan enklitik. Sebagai contoh dalam perkataan /rasa÷ja/ [rasəjə], /nama~lah/ [na)mə)lah], dan /kərana~lah/ [kəranə)lah].

### 6.3 Peningkaran rumus penengahan vokal rendah dalam lagu Melayu Asli

Berdasarkan Rumus d yang telah dibincangkan, vokal rendah /a/ yang berada di lingkungan suku kata akhir terbuka, sempadan partikel dan enklitik berpotensi untuk berubah menjadi vokal schwa [↔]. Analisis terhadap lagu MA telah menemui satu perkataan yang tidak mengalami proses PVR. Perkataan yang dimaksudkan adalah kata /sama/ [sa.ma] yang ditemui dalam lagu Seri Banang. Perkataan berkenaan berada di rangkap akhir dalam lagu Seri Banang seperti berikut.

walawpon hilanj dapat ku ganti  
 ta?kanlah **sama**, ta?kanlah **sama**, kəkaseh janj lalu  
 walawpon hilanj dapat ku ganti

taʔkanlah **sama**, taʔkanlah **sama**, kəkaseh jaŋ lalu

(Lagu Seri Banang)

Berdasarkan rangkap lagu di atas, perkataan yang tidak mengalami proses PVR telah diulang sebanyak empat (4) kali dalam lagu Seri Banang. Penelitian pengulangan kata yang dihasilkan oleh penyanyi menunjukkan gejala yang konsisten. Kata [sama] yang diulang masih kekal tidak mengalami proses PVR dalam rangkap berkenaan.

Artikel ini menganggap pelanggaran rumus PVR dalam lagu yang dinyatakan adalah disebabkan pengaruh idiolek ketika menyanyikan lagu MA yang memperlihatkan pengaruh bahasa atau dialek ibunda penyanyi. Pelanggaran rumus PVR hanya berlaku dalam nyanyian lagu Seri Banang dan hanya melibatkan satu perkataan. Justeru itu, hal berkenaan tidak disentuh dengan lebih mendalam dalam artikel ini.

## 7. Kesimpulan

Proses PVR secara keseluruhannya terdapat dalam nyanyian 10 buah lagu MA. Proses PVR menjelaskan vokal rendah /a/ yang berada di suku kata akhir terbuka kata dasar berubah menjadi vokal schwa [ə]. Ternyata, nyanyian lagu MA memperlihatkan perubahan fonologi berkenaan, yakni vokal rendah /a/ yang hadir di suku kata akhir terbuka kata dasar berubah menjadi vokal schwa [ə]. Berbeza pula apabila meneliti data kata terbitan dalam lagu MA. Penelitian terhadap kata terbitan menunjukkan bahawa vokal rendah /a/ di suku kata akhir terbuka kata dasar masih menjalani proses PVR. Misalnya, perkataan /nama-lah/ [namələh] dari lagu Gunung Panti dan /bahasa-ja/ [bahasəŋə] dalam nyanyian lagu Siti Payung. Vokal rendah /a/ didapati berubah menjadi vokal schwa [ə] walaupun menerima penambahan partikel /-lah/ dan enklitik /-ja/. Hal berkenaan bertentangan dengan rumus PVR BMS yang tidak terlaksana apabila menerima akhiran. Disebabkan itu, analisis lagu MA mencadangkan sempadan khusus bagi partikel dan enklitik untuk membolehkan proses PVR terlaksana dalam lingkungan sempadan berkenaan.

Walaupun dapatan analisis kata terbitan lagu MA telah menunjukkan bahawa vokal rendah /a/ gagal untuk muncul semula apabila menerima partikel dan enklitik. Analisis yang dijalankan ini tidak dapat menolak sepenuhnya dakwaan bahawa vokal schwa [ə] yang berada di akhir kata merupakan vokal terbitan yang terhasil menerusi proses PVR. Hal berkenaan kerana analisis ini berhadapan dengan kekangan data, yang mana, data lagu MA yang dianalisis tidak mengandungi kata dasar yang menerima imbuhan akhiran /-kan/, /-an/ ataupun /-i/. Justeru itu, isu ini amat menarik untuk diperhalusi semula. Kajian mendatang disarankan agar menyoroiti semula data ujaran BMS untuk mengetahui sama ada vokal schwa di akhir kata berstatus vokal terbitan ataupun sebaliknya.

## Rujukan

- Arif Ahmad. (2005). Pemikiran tradisi Melayu dalam lagu ciptaan P. Ramlee. In *P. Ramlee di cakra nusantara*. Kota Semarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan

Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir* (5th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barwick, L. (2012). Including music and the temporal arts in language documentation. In N. Thieberger (Ed.), *The Oxford Handbook of Linguistic Fieldwork*. Oxford, New York: Oxford University Press.
- Chomsky, N., & Halle, M. (1968). *The sound pattern of English*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Collins, J. T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn. (1980). *Aspect of Malay fonologi and morfologi: A generative approach*. Bangi: UKM.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2013). *Sintaksis enklitik -Nya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fornari, J. (2011). Studying the intervenience of lyrics prosody in songs melodies. In E. Cambouropoulos, C. Tsougras, P. Mavromatis, & K. Pasteriadis (Eds.), *Proceedings of the 12th International Conference on Music Perception and Cognition* (pp. 317–323). Thessaloniki, Greece.
- Ibrahim Ahmad. (2004). Muzik kontemporari sebagai alat pembentukan nilai dalam komuniti: Ke mana hala tuju kita? In *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*. unpublished. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/1853>
- Ismail Ahmed, & Ab Samad Kechot. (2015). Lagu Melayu asli: Unsur sinkretisme dalam instrumentasi persembahan. *Jurnal Melayu*, 14(2), 307–327.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pettijohn II, T. F., & Sacco, D. F. J. (2009). The language of lyrics: An analysis of popular billboard songs across conditions of social and economic threat. *Journal of Language and Social Psychology*, 28(3), 297–311.
- Shafa'atussara Silahudin. (2010). Nyanyian Melayu asli sebagai warisan manifestasi kesenian Melayu: Tumpuan pandangan pemikir-pemikir budaya. In *Monograf Jabatan Kesenian Melayu* (pp. 103–114). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Shafa'atussara Silahudin. (2013). Nyanyian melayu asli: Vokalisasi serta peranan korda vokal dan larinks. In Mohd Kipli Abdul Rahman, Nazarudin Zainun, & Rahimah A. Hamid (Eds.), *Kearifan tempatan: Pengalaman nusantara - Meneliti kosmologi adat istiadat* (Vol. 2, pp. 27–37). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shepherd, J. (1991). *Music as social text*. Cambridge: Polity Press.
- Tajul Aripin Kassin. (2000). *The phonological word in standard Malay* (Thesis PhD). University of Newcastle.
- Teoh Boon Seong. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wallin, N. L., Merker, B., & Brown, S. (2000). *The origins of music*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Woodbury, T. (2003). Defining documentary linguistics. *Language Documentation and Description*, 1, 35–51. Retrieved from <https://goo.gl/XFBzW9>
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi generatif: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.